

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE IMPORTANCE OF *HISBAH* AND ITS PRACTICE IN MALAYSIA]

KEPENTINGAN *HISBAH* DAN AMALANNYA DI MALAYSIA

AZRIN IBRAHIM^{1*}

¹ Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia 11800 Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author: azrinibrahim.usm@gmail.com

Received Date: 9 Januari 2015 • Accepted Date: 9 August 2015

Abstract

This article has two objectives. First is to identify the importance of hisbah in the management and administration activities in Islam. Second is to analyze the forms of hisbah practice in Malaysia especially by Islamic development institutions. This research is crucial because hisbah is one of the main mechanisms that equip an Islamic management activities. Implementation of hisbah in efficiently and perseverance are likely to ensure transparency and the ability of management to achieve its goals. However, the main question has to be answered. Why hisbah is essential to implement in stewardship activities in Islam? What is the method of execution hisbah in ensuring the successful implementation hisbah? What about the practice and practical hisbah in the context of Malaysia's current state? This article generally aims to find answers to these questions. The information in this article analyzed using content analysis. The results of this analysis led to the conclusion that there is some form of practicing hisbah in Malaysia. However, although the goal is to implement the call al-amr bi al-ruf wa al-nahy 'an al-munkar (calls towards good and forbidding evil), most of these institutions has its own approach and a more modern. Finally, this article suggests that the need for understanding, appreciation and practice of the implementation of hisbah in holistically so that the goal of Islam is essential and management problems that exist, particularly in institutions of development can be minimized.

Keywords: hisbah, Islamic Management, al-amr bi al-ruf wa al-nahy 'an al-munkar, hisbah practice.

Abstrak

Artikel ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti kepentingan *hisbah* dalam aktiviti pengurusan secara Islam. Kedua, menganalisis bentuk-bentuk pengamalan *hisbah* di Malaysia khususnya oleh institusi-institusi pembangunan Islam. Kajian ini penting dilakukan memandangkan *hisbah* merupakan salah satu mekanisme utama yang memperlengkap sesebuah aktiviti pengurusan secara Islam. Pelaksanaan *hisbah* secara efisien dan istiqamah dilihat mampu menjamin ketelusan dan kemampuan sesebuah pengurusan dalam mencapai matlamatnya. Namun begitu, beberapa persoalan utama harus dijawab. Mengapakah pentingnya pelaksanaan *hisbah* ini dalam aktiviti

pengurusan secara Islam? Bagaimanakah pula bentuk amalan dan praktis *hisbah* dalam konteks negara Malaysia masa kini? Artikel ini secara umumnya berhasrat mencari jawapan kepada persoalan-persoalan ini. Maklumat dalam artikel ini dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan daripada analisis ini membawa kepada rumusan bahawa terdapat beberapa bentuk pengamalan *hisbah* oleh institusi-institusi di Malaysia. Meskipun matlamatnya adalah untuk melaksanakan seruan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* (menyeru ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran), namun pengamalan *hisbah* oleh institusi-institusi ini mempunyai pendekatan yang tersendiri dan lebih bersifat moden. Akhirnya, artikel ini mencadangkan bahawa perlunya kepada pemahaman, penghayatan dan pengamalan *hisbah* secara holistik oleh institusi-institusi yang ada pada hari ini agar matlamat hakiki pengurusan secara Islam dapat dicapai. Di samping itu, pengamalan *hisbah* secara holistik juga diyakini menjadi wasilah untuk meminimumkan permasalahan yang wujud khususnya di institusi-institusi pembangunan.

Kata kunci: *hisbah*, pengurusan Islam, *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*, amalan *hisbah*.

Cite as: Azrin Ibrahim. 2015. Kepentingan *Hisbah* dan Amalannya di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 11(1): 22-33.

PENDAHULUAN

Hisbah merupakan elemen penting dalam pengurusan Islam. Ia berperanan sebagai sistem pengawasan terhadap sesebuah negara, masyarakat, institusi, organisasi dan individu (Mardzelah Makhsin, 2008; Auni Abdullah, 2000). Pelaksanaan *hisbah* bermula dalam bentuk amalan sebagaimana yang diketengahkan oleh Rasulullah SAW (Raḍwān, 'Abd al-Ḥasīb, 1990: 35; Azrin Ibrahim, 2014). Kemudian, ia berkembang menjadi sebuah badan, jabatan dan akhirnya dibentuk menjadi sebuah institusi yang utama dalam sistem pentadbiran Islam. Situasi dan perkembangan *hisbah* yang berlaku pada era Islam ini memperlihatkan pentingnya pengalaman dan pelaksanaan *hisbah* dilakukan secara sistematik dalam sesebuah pengurusan dan pentadbiran Islam. Ia didasari oleh ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan hadith serta mengikut praktis yang diperkenalkan oleh Rasulullah SAW.

Hisbah pada umumnya berfungsi untuk mengajak manusia kepada perlakuan baik (ma'ruf) dan mencegah daripada perlakuan keji dan mungkar yang bertentangan dengan syariat Islam ('Abd Allāh Muḥammad 'Abd Allāh, 1996: 58; Ibn Taymiyyah, 1992). Hal ini selaras dengan firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Terjemahan: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman)
(Surah Ali-'Imran, 3: 110)

Hisbah merupakan salah satu mekanisme utama yang memperlengkap sesebuah aktiviti pengurusan secara Islam (Auni Abdullah, 2000). Dalam hal tersebut, pelaksanaan *hisbah* secara efisien dilihat mampu menjamin ketelusan dan kemampuan sesebuah pengurusan dalam mencapai matlamatnya. Namun begitu, persoalan utama harus dijawab. Mengapakah pentingnya pelaksanaan *hisbah* ini dalam aktiviti pengurusan secara Islam? Bagaimanakah pula bentuk amalan dan praktis *hisbah* dalam konteks Malaysia pada masa kini? Artikel ini secara umumnya berhasrat mencari jawapan kepada persoalan-persoalan ini.

HISBAH DALAM PENGURUSAN ISLAM

Pengurusan Islam merupakan satu sistem yang bersifat universal dan berakar umbi daripada paradigma Islam. Ia bertitik tolak daripada hakikat bahawa dalam Islam segala-galanya berpangkal daripada konsep tauhid iaitu Allah SWT adalah satu-satunya Tuhan bagi seluruh alam. Pengurusan dalam bahasa Arab berasal daripada perkataan *dabbara yudabbir* di mana masing-masing membawa maksud memikirkan implikasi sesuatu dan melihat kepada akibat sesuatu perkara (Ibn Manzūr, 1997: 283). Muhammad Abdullah al-Buraey (1990: 234) menegaskan walaupun tiada perkataan khusus tentang pengurusan mahupun pentadbiran dalam al-Quran, namun penggunaan perkataan *yudabbir* dalam bahasa Arab merujuk kepada mengarah, mengendalikan, mengurus, melaksanakan, mengemudi, mengatur, mengurus dengan baik dan mengendalikan urusan-urusan perniagaan.

Demikian merupakan definisi pengurusan Islam dari sudut istilah. Seiring perkembangan bidang pengurusan Islam, terdapat ramai dalam kalangan ilmuwan kontemporari yang tampil dan mengemukakan pendefinisian serta pandangan tentang pengurusan Islam. Muhammad Syukri Salleh (2000, 2003: 86) misalnya berpandangan pengurusan Islam adalah pengurusan terhadap setiap aspek kehidupan manusia sebagai memenuhi fungsi hamba dan khalifah Allah SWT dengan menggunakan segala peralatan yang selari dengan Islam. Ia juga turut mencakupi perhubungan mendatar sesama manusia dan sumber alam (*hablum minannas*) serta perhubungan menegak antara Allah SWT dan manusia (*hablum minallah*).

Pandangan Muhammad Syukri Salleh (2003) ini dilihat selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Panel Akademi Pengurusan YaPEIM dan Mohd Affandi Hassan (1992: 56). Panel Akademi Pengurusan YaPEIM (2005: 3-7) mengemukakan pengurusan Islam adalah sebahagian daripada misi kebaktian kepada manusia dan pengabdian kepada Pencipta. Mohd Affandi Hassan (1992: 56) pula mengatakan pengurusan Islam merupakan pemenuhan amanah keinsanan di antara Tuhan dan manusia yang mana manusia selaku hamba dan khalifah-Nya mestilah melaksanakan amal soleh berasaskan prinsip kerjasama dan syura dalam aktiviti pengurusan. Menurut beliau lagi, matlamat pengurusan ialah pembangunan tamadun yang direndai Allah SWT dengan berasaskan kepada ajaran tauhid dan nilai-nilai etika keislaman.

Berdasarkan pandangan tentang pengurusan Islam yang diketengahkan ini, maka dapat disimpulkan bahawa pengurusan Islam perlulah dipastikan bersih daripada sebarang aktiviti negatif dan ketidakadilan, baik di peringkat individu, keluarga, mahupun dalam kalangan masyarakat. Ia tidak boleh bersifat selektif sahaja. Matlamat hakikinya tentunya untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Hal ini bermakna pengurusan Islam menyarankan agar pelakunya tidak terlalu mengejar matlamat dunia semata-mata bahkan lebih penting daripada

itu adalah matlamat akhirat. Namun demikian, terdapat beberapa pandangan tentang matlamat sebenar pengurusan Islam. Segelintir ilmuwan Islam mengatakan keredaan Allah SWT sebagai matlamat akhir pengurusan Islam manakala terdapat pula segelintir ilmuwan Islam yang mengatakan *al-falah* sebagai matlamat akhir pengurusan Islam. Hakikatnya *al-falah* adalah keinginan yang ingin dicapai oleh setiap umat manusia sama ada di dunia mahupun di akhirat. Akan tetapi apa yang lebih penting daripada itu adalah keredaan Allah SWT. Sekiranya Allah SWT tidak reda, maka kejayaan yang dikecapi itu tidaklah mampu membawa apa-apa erti, sebaliknya jika Allah SWT reda, tentunya syurga Allah SWT itu sentiasa terbuka buat hamba-Nya yang berusaha untuk mendapatkannya (Muhammad Syukri Salleh, 2003; Fadzila Azni Ahmad, 2010). Namun begitu, untuk memastikan matlamat-matlamat ini dapat dicapai, niat, objektif, pelaksanaan, matlamat dan natijahnya perlulah seiring dengan falsafah daripada tuntutan syariat Islam.

Selain itu, pengurusan Islam ini haruslah didasari oleh falsafah dan paradigma Islam yang bersifat holistik dan universal. Falsafah pengurusan Islam bukanlah berdasarkan gagasan pemikiran manusia semata-mata, tetapi lebih berasaskan kepada paradigma tauhid (Ahmad Ibrahim Abu Sin, 1990). Oleh itu, falsafah pengurusan Islam tidak lepas lari daripada mengatakan bahawa Allah SWT adalah Pencipta bagi seluruh makhluk dan manusia hanyalah makhluk Allah SWT yang berfungsi sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di atas muka bumi ini. Oleh yang demikian, selaku makhluk, ianya haruslah tunduk dan patuh kepada setiap suruhan dan larangan Allah SWT. Dalam konteks pengurusan Islam, manusia selaku pelaksana pengurusan Islam haruslah melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurusan mengikut apa yang telah digariskan oleh syariat Islam dengan menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai rujukan utama.

Dalam melaksanakan pengurusan Islam, tentunya banyak elemen yang perlu diambil kira dan diberi perhatian. Panel Akademi Pengurusan YaPEIM (2005) misalnya mengemukakan bahawa pengurusan Islam perlu kepada proses pelaksanaan. Proses pengurusan yang teratur menggambarkan pengurusan yang baik selain tidak mengabai sifat kerohanian seperti tawakal dan muhasabah diri. Oleh itu, mereka telah bersepakat menggariskan tujuh elemen yang perlu ada dalam melaksanakan proses pengurusan secara Islam iaitu bermula dengan niat, perancangan, pelaksanaan, pengorganisasian, pengarahan, pengawasan atau pengawalan dan penilaian (Panel YaPEIM, 2005: 127-142).

Daripada ketujuh-tujuh elemen pengurusan Islam yang digariskan oleh Panel Akademi Pengurusan YaPEIM ini, *hisbah* merupakan mekanisme pengurusan yang memperlengkap fungsi pengawasan. Ini selaras dengan matlamatnya untuk menyahut seruan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* ('Abd Allāh Muḥammad 'Abd Allāh, 1996: 68). Fungsi pengawasan yang dimainkan oleh institusi *hisbah* bukan hanya terhadap aspek keagamaan semata-mata, bahkan juga terhadap aspek-aspek perdagangan, pentadbiran, perekonomian, politik, kemasyarakatan dan beberapa aspek yang lain (Mardzelah Makhsin, 2008; Azrin Ibrahim, 2014; Auni Abdullah, 2000). Dengan erti kata lain, *hisbah* memainkan peranan yang besar dalam memastikan setiap dimensi kehidupan manusia sentiasa terarah untuk melakukan kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran.

Perkataan *hisbah* boleh didefinisikan dari sudut bahasa dan istilah syarak. Ibn Manẓūr (1973) misalnya mengatakan *hisbah* ialah kata terbitan daripada *ihtisāb* yang bermaksud balasan daripada Allah SWT atau meminta upah. Dari segi istilah syarak pula, al-Ghazālī (1968:

398) menjelaskan bahawa *hisbah* adalah ungkapan lengkap yang merangkumi tugas mengajak kepada perbuatan baik (*ma'ruf*) dan mencegah perbuatan yang mungkar. Ibrāhīm Dasūqī (1962: 9) juga mengemukakan pandangan yang hampir sama dengan mengatakan *hisbah* adalah mengajak kepada kebaikan apabila nyata ia ditinggalkan dan mencegah daripada kemungkaran apabila nyata ia dilakukan. Selanjutnya, Ibn Khaldūn (1930) pula menyatakan *hisbah* adalah tugas keagamaan yang termasuk dalam bab perintah melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Menurut beliau lagi, ia merupakan kewajipan ke atas mereka yang mentadbir urusan umat Muslimin. Oleh sebab itu, pemerintah hendaklah melantik orang-orang yang layak untuk menggalas tugas tersebut dengan baik.

Penjelasan ini disokong oleh Ibn Taymiyyah (1973) yang berpandangan bahawa *hisbah* adalah dakwah dalam melaksanakan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*. Lantaran itu, kewujudan *hisbah* dilihat dapat mengawasi manusia daripada melanggar perjanjian dengan Allah SWT yang telah diikat sejak azali lagi. Malah *hisbah* juga berperanan untuk menyedarkan manusia tentang tanggungjawab memelihara hak Allah SWT, hak manusia dan hak bersama iaitu antara Allah SWT dan manusia. Selain itu, Ibn Bassam mentakrifkan *hisbah* sebagai *al-amr bi al-ma'ruf dan al-nahy 'an al-munkar* dalam perbaikan (*islah*) sesama manusia. Ibn al-Ukhuwwah juga memberi pendefinisian yang hampir sama iaitu dengan mengatakan *hisbah* sebagai perbuatan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran yang bertujuan untuk memperbaiki kehidupan masyarakat (Azah Abd Rahman, 1992: 7).

KEPENTINGAN PELAKSANAAN *HISBAH*

Hisbah merupakan institusi yang bermatlamat untuk melaksanakan tugas *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* (Ibn Taymiyyah, 1992; al-Ghazālī, 1984; Auni Abdullah, 2000). Tugas ini tidak boleh dilihat dalam erti kata yang sempit dan khusus untuk urusan kerohanian sahaja, sebaliknya pentakrifan tugas ini sebenarnya adalah global dan menyeluruh (al-Ghazālī, 1968 & Muhammad Akram Khan, 1983: 141-147). Hal ini menunjukkan pelaksanaan *hisbah* adalah bersifat universal dan matlamat tindakannya adalah untuk menjaga kemaslahatan masyarakat sejagat. Keadaan ini sesuai dengan pengertian asalnya dan bukannya untuk menyeksa mana-mana pihak yang berbuat kesalahan.

Penyempurnaan tugas *hisbah* dalam merealisasi *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* ini merupakan pelaksanaan perintah al-Quran agar melakukan kebaikan dan menjauhi segala bentuk kemungkaran ('Abd Allāh Muḥammad 'Abd Allāh, 1996: 68). Kesedaran umat Islam terhadap kewajipan melaksanakan tanggungjawab ini haruslah sentiasa dipupuk agar mereka dapat menghidupkan kembali peranan institusi ini dan berijtihad memperkembangkannya bersesuaian dengan situasi semasa supaya faedahnya dapat dinikmati oleh setiap lapisan masyarakat.

Pada dasarnya, pembentukan institusi *hisbah* adalah bermatlamat untuk membentuk sebuah masyarakat yang berakhlak mulia dan mampu menjauhi segala kemungkaran yang hanya mendatangkan kemurkaan Allah SWT (Ibrāhīm Dasūqī, 1962: 25; Azrin Ibrahim, 2014). Hal ini dilihat penting bagi menjamin kesejahteraan dan kemaslahatan kehidupan manusia di dunia dan di akhirat. Pelaksanaan *hisbah* ini merupakan wasilah untuk menyuruh manusia berbuat kebaikan apabila nyata ia ditinggalkan dan melarang daripada kemungkaran apabila nyata perbuatan itu dilakukan. Pelaksanaan *hisbah* bukan sahaja penting untuk pembangunan

dan kemajuan umat manusia, bahkan juga merupakan tapak yang menjadi asas bagi merealisasikan seruan Allah SWT dan menzahirkan syiar-Nya.

Selain itu, dalam konteks pengurusan Islam, pelaksanaan *hisbah* mampu untuk memastikan setiap amalan khususnya dalam aktiviti pengurusan berjalan sebagaimana yang dirancang (Mardzelah Makhsin, 2008). Bukan itu sahaja, pelaksanaan *hisbah* juga mampu untuk memastikan kaedah dan pelaksanaan pengurusan sesebuah organisasi itu sentiasa terarah untuk mencapai matlamat organisasi selaras dengan ajaran Islam.

ANALISIS PENGAMALAN DAN PRAKTIS *HISBAH* DI MALAYSIA

Di peringkat global, terdapat beberapa negara yang berusaha untuk melaksanakan *hisbah* sebagaimana yang tercatat dalam sejarah Islam. Negara Arab Saudi dan Afrika merupakan antara contoh negara yang cuba menerapkan syariat Islam dan melaksanakan *hisbah*. Di Indonesia, terdapat juga beberapa kawasan yang berusaha untuk menguatkuasakan syariat Islam. Aceh misalnya merupakan negeri yang telah menubuhkan institusi yang dinamakan *wilayatul hisbah* (WH) demi untuk memperkasa sistem pentadbiran, perundangan dan penguatkuasaan syariat Islam (Eko Marhaendy, 2008).

Di Malaysia, badan yang benar-benar dinamakan *hisbah* pernah wujud di negeri Terengganu sekitar tahun 1999. Kini, kebanyakan badan atau institusi yang menjalankan fungsi *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* tidak lagi dinamakan *hisbah*, sebaliknya mempunyai nama, gelaran dan juga pendekatan yang tersendiri. Institusi-institusi ini juga berfungsi secara terasing antara satu sama lain.

Dalam aspek keagamaan misalnya, kebanyakan fungsi untuk memelihara akhlak dan hal ehwal yang berkaitan ibadah umat Islam misalnya terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). JAIN mempunyai unit penguatkuasaan yang tersendiri dan berfungsi untuk mengajak kepada makruf dan mencegah mungkar lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan isu akidah, syariah dan akhlak seperti murtad, maksiat, pernikahan, hak nafkah dan lain-lain. Perkara ini tergambar dalam visi, misi dan objektif kebanyakan JAIN di Malaysia seperti Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Agama Islam Perak, Jabatan Agama Islam Johor dan beberapa JAIN lain di Malaysia (JAIPK, 2015; JAIJ, 2015; JAIS, 2015). Selain itu, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang terdapat di semua negeri di Malaysia pula rata-ratanya berperanan untuk memastikan pengurusan dan perjalanan hal ehwal Islam di negeri pada landasan yang betul, mempertingkatkan dan meneguhkan sosio-ekonomi umat Islam, memastikan harta-harta Islam terpelihara, berkembang dan membangun sesuai dengan tuntutan syarak, menyeru dan memudahkan orang Islam mengeluarkan zakat dan beberapa tugas lain. Peranan MAIN ini jelas tergambar dalam visi, misi dan objektif institusi masing-masing seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan beberapa MAIN lain (MAIWP, 2015; MAIJ, 2015; MAINS, 2015; MAIM, 2015). Hal ini bermakna aktiviti dan peranan yang dimainkan oleh MAIN adalah untuk menyahut *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* sebagaimana peranan *hisbah*.

Dalam aspek-aspek lain seperti aspek perundangan dan keselamatan, Malaysia mempunyai pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berperanan untuk menguatkuasakan undang-undang dan memelihara keamanan serta kemakmuran negara. Tugas ini juga

sebenarnya merupakan manifestasi kepada seruan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* (Eko Marhaendy, 2008). Dalam erti kata lain, PDRM berperanan untuk melindungi negara dan menjamin keselamatan masyarakat daripada jenayah dan kemungkar (PDRM, 2015). Hal ini juga termasuk dalam urusan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*. Cuma yang menjadi persoalan, adakah paradigma dan kaedah pelaksanaan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* oleh PDRM ini benar-benar bertepatan dengan paradigma dan kaedah *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* dalam *hisbah*?

Dalam aspek perbankan dan kewangan, terdapat kajian yang melihat Majlis Pengawasan Syariah (MPS) yang terdapat di bank-bank sebagai badan yang melaksanakan fungsi *hisbah*, tetapi dalam ruang tugas yang terbatas. Ahmad Faizol Ismail (2011: 41) misalnya telah melakukan kajian demikian dan mendapati bahawa MPS dan *hisbah* menekankan aspek pematuhan kepada syarak sekali gus mengatakan MPS menjalankan sebahagian tugas *hisbah*. Hal ini secara langsung menunjukkan terdapat juga pengamalan *hisbah* dalam aspek kewangan dan perbankan. Akan tetapi, ia berlaku dalam konteks yang kecil sahaja seperti memastikan produk dan perjalanan aktiviti perbankan berjalan atas landasan syarak.

Selain itu, jika disoroti sejarah *hisbah* pada zaman kegemilangan Islam dahulu, pelaksanaannya banyak tertumpu kepada urusan muamalat dan aktiviti sosio-ekonomi masyarakat seperti urusan jual beli (Ibn Taymiyyat, 1993; Abdul Azim Islahi, 1985). Aktiviti dan situasi ini juga sebenarnya boleh lihat pada masa kini. Di Malaysia, terdapat beberapa badan atau institusi yang bertujuan untuk menjaga dan mengawal aktiviti sebegini. Contohnya, Malaysia mempunyai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang ditubuhkan dengan matlamat untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang beretika di samping melindungi kepentingan pengguna. Bidang tanggungjawab KPDNKK antara lain termasuklah mengawal selia perdagangan dalam negeri, perlindungan hak-hak pengguna, perlindungan harta intelek dan pendaftaran serta penyeliaan perniagaan (KPDNKK, 2012). Peranan KPDNKK ini khususnya yang berkaitan dengan aktiviti muamalat seperti perdagangan, jual beli dan timbangan adalah menyamai peranan *hisbah* pada zaman Islam dahulu. Cuma KPDNKK tidak menamakan institusinya dengan nama *hisbah*. Asas pembentukan dan pendekatannya juga mempunyai cara yang moden dan tersendiri.

Dalam aspek perbandaran, terdapat banyak Majlis Perbandaran di setiap negeri di Malaysia yang berperanan untuk memelihara kebersihan, keamanan dan pembangunan bandaraya masing-masing. Peranan ini pada hakikatnya juga merupakan sebahagian daripada tugas *hisbah*. Walau bagaimanapun, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) yang terletak di Kelantan kelihatan mempunyai keunikan yang tersendiri berbanding Majlis Perbandaran sedia ada di negeri-negeri lain. MPKB-BRI mempunyai peranan besar dalam mengawal hal ehwal perbandaran di samping menjadi tulang belakang dalam mendukung matlamat Kota Bharu yang diisytiharkan sebagai bandar raya Islam dengan slogan "Membangun Bersama Islam" (MPKB-BRI, 2012; 2014). MPKB-BRI juga turut memasukkan elemen-elemen keagamaan dan nilai-nilai kerohanian dalam kebanyakan urusan mereka termasuklah berkaitan aurat, akhlak dan dakwah. Sebagai contohnya, dalam Sinar Harian, 22 Februari 2012 menunjukkan MPKB-BRI mengenakan kompaun kepada wanita yang memakai baju berlengan pendek. Tindakan ini mencerminkan adanya *hisbah* di MPKB-BRI ini (Sinar Harian, 2014).

Melihat kepada fungsi dan bidang tugas institusi-institusi ini, pada asasnya banyak lagi institusi di Malaysia yang memainkan peranan untuk mendukung dan menyahut seruan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* sebagaimana *hisbah*. Rata-ratanya bermatlamat untuk mendisiplinkan masyarakat di samping untuk menjaga keharmonian dan memelihara kerukunan hidup bermasyarakat. Namun demikian, kebanyakan institusi yang memainkan peranan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* pada masa kini masih dipandu dan terikat dengan corak pengurusan dan pendekatan yang tersendiri dan lebih terbuka kepada sistem pengurusan moden. Hal ini bermakna, paradigma dan akar umbi pelaksanaan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* oleh institusi-institusi ini masih boleh dikaji, diperinci dan diperhalusi supaya ia benar-benar dikatakan mengikut acuan *hisbah*.

Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang dan peluang yang boleh dilakukan untuk memperkasa perancangan, pelaksanaan dan pengawasan sedia ada di institusi-institusi pembangunan yang menjalankan fungsi sebagaimana *hisbah* ini. Rajah 1 merupakan cadangan memperkasa dan memperkukuh asas-asas *hisbah* pada setiap peringkat supaya *hisbah* dapat dilaksanakan dengan jaya dan berkesan.

| KATEGORI | | |
|---|---|--|
| Qalbiy (Niat/Hati) | Qauliy (Perkataan) | Fi'liy (Perbuatan) |
| <ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa memperbetul dan memperbaharui niat kerana Allah SWT • Sentiasa melakukan <i>muhasabat al-nafs</i> | <ul style="list-style-type: none"> • Dilafazkan melalui ikrar • Penyebaran, majlis ilmu dan tazkirah (peringatan) | <ul style="list-style-type: none"> • Mengambil tindakan tegas • Akauntabiliti, telus, jujur dan amanah |

Rajah 1: Cadangan Pemeraksanaan *Hisbah*

Rajah 1 memperlihatkan pembahagian aspek yang boleh diperkasakan oleh kebanyakan institusi yang memainkan fungsi *hisbah*. Aspek-aspek tersebut dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu *qalbiy* (niat), *qauliy* (perkataan) dan *fi'liy* (perbuatan). Perkara pertama adalah terhadap niat yang berkaitan dengan niat (hati). Islam amat mementingkan agar umatnya mempunyai niat yang betul dalam melakukan sesuatu iaitu semata-mata kerana Allah SWT. Hal ini bermakna setiap pegawai, anggota penguat kuasa atau sesiapa sahaja dalam setiap institusi wajib untuk sentiasa memperbetulkan dan memperbaharui niat memikul amanah adalah kerana Allah SWT, bukan disebabkan kerana kerjaya atau atas kepentingan individu. Begitu juga halnya dalam aspek memuhasabah diri atau *muhasabat al-nafs*. Setiap pemikul amanah wajib untuk sentiasa menilai perkara-perkara yang dilakukan dari semasa ke semasa supaya wujud kesedaran sepenuhnya dalam memikul sesuatu tanggungjawab.

Dari aspek perkataan (*qauliy*), institusi-institusi ini amnya dicadangkan untuk mengadakan akur janji (ikrar) yang dilakukan di khalayak ramai agar wujud kesedaran bahawa mereka dilantik untuk memegang amanah yang berat dan wajib dilakukan dengan penuh keikhlasan serta jujur. Di samping itu, setiap institusi ini juga perlu membudayakan ilmu pengetahuan dalam organisasi. Ia dapat dilakukan dengan mengadakan sesi tazkirah misalnya dan juga solat berjemaah secara serius, istiqamah dan penuh penghayatan.

Dari aspek perbuatan, setiap pegawai atau anggota penguat kuasa dalam setiap institusi pula perlu telus dalam menjalankan tugas tanpa wujudnya perasaan pilih kasih atau ketidaktelusan seperti pengambilan rasuah atau sogokan. Di samping itu, institusi-institusi ini juga perlu sentiasa menerapkan nilai murni dan sifat mahmudah dalam diri ahli organisasi khususnya pegawai penguat kuasa tentang nilai ketelusan, amanah, akauntabiliti dan jujur dalam menjalankan tugas. Dengan pengamalan yang jitu dan pelaksanaan yang komited terhadap perkara-perkara berkaitan *hisbah*, hal ini dilihat dapat menjadi nadi penggerak ke arah kemakmuran Islam dalam kehidupan seharian masyarakat khususnya di Malaysia. Dengan demikian, kehidupan masyarakat dan perjalanan pengurusan institusi-institusi di Malaysia dapat diarahkan menuju *balad al-toyyibat wa Rabb al-Ghafur* (negeri yang damai dan mendapat limpahan rahmat Allah SWT) kerana melihat hamba-Nya berperanan sesuai dengan fungsinya sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di atas muka bumi ini (H. Ismet Junus, 2013: 84). Di samping melaksanakan *hisbah* mengikut landasan yang sebenar, ketiga-tiga aspek ini dilihat mampu untuk melahirkan pegawai, anggota penguat kuasa dan masyarakat yang bertakwa sekali gus melaksanakan perintah Allah SWT dengan baik.

KESIMPULAN

Terdapat beberapa bentuk pengamalan *hisbah* di Malaysia khususnya oleh institusi-institusi yang ditubuhkan di bawah pentadbiran kerajaan. Namun demikian, meskipun matlamatnya adalah untuk melaksanakan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*, akan tetapi masih terdapat beberapa perkara asas yang dilihat tidak sepenuhnya menyamai *hisbah*. Oleh yang demikian, disebabkan *hisbah* merupakan sebuah institusi pengawasan yang bertunas di bawah sistem pengurusan Islam, maka artikel ini mencadangkan supaya institusi-institusi yang memainkan peranan sebagai badan pengawasan perlu kepada pemahaman, penghayatan dan pengamalan *hisbah* ini secara holistik. Dengan penghayatan dan pengamalan sebegini diyakini akan dapat meminimumkan permasalahan yang wujud khususnya di institusi-institusi pembangunan masa kini dan umumnya terhadap masyarakat sejagat. Hal ini adalah disebabkan sistem yang lahir daripada acuan Islam diakui bersifat universal dan boleh menjadi jalan penyelesaian terhadap keruntuhan moral masyarakat sebagaimana yang berlaku pada masa kini.

Artikel ini juga menyimpulkan bahawa *hisbah* terbina di bawah satu paradigma Islam yang syumul, corak pelaksanaannya yang unik dan matlamatnya yang murni. Seharusnya, ia dijadikan rujukan dan panduan oleh institusi pembangunan masa kini khususnya yang menjalankan fungsi sebagai badan atau unit pengawasan dan bercita-cita untuk melaksanakan syariat Islam secara lebih holistik.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

'Abd Allāh Muḥammad 'Abd Allāh. 1996. *Wilāyat al-Ḥisbah fī al-Islām*. Qāhirah: Maktabat al-Syu'arā'.

Abū Zayd, Siham Mustafa. 1986. *al-Ḥisbah fī Miṣr al-Islāmiyyat: Min al-Fath al-'Arabi ilā al-Nihāyat al-'Asr al-Mamlūkī*. Qāhirah: al-Hay'at al-Misriyah al-'Ammat lil-kitāb.

AcehPedia. 2013, Diakses daripada http://acehpedia.org/Halaman_Utama, Diakses pada 18

- Januari 2014.
- Ahmad Faizol Ismail. 2011. Perbandingan antara Hisbah dan Majlis Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Keluaran Khas 2011. 41-51.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin. 1991. *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Al-Imam Muslim. 1988. Terjemahan Hadis Shahih Muslim Jilid 1, II, III dan IV (terj. Ma'mur Daud), Kuala Lumpur: Klang Book Centre.
- Al-Māwardīy, Abū al-Ḥassan 'Alī Muḥammad Ḥabīb al-Baṣriy. 1966. *al-Ahkām al-Sulṭāniyyat*. Cet.1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat.
- Asmadi Mohamed Naim. 2008. *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Auni Abdullah. 2000. *Hisbah dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Azah Abd Rahman. 1992. al-Hisba in the Thought of Ibn Al-Ukhuwah, Disertasi Sarjana yang diserahkan kepada Kulliyyah Economics and Management, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM).
- Eko Marhaendy. 2008. Peranan Wilayahul Hisbah, Diakses daripada http://ekomarhaendy.multiply.com/journal/item/1/Peranan_Wilayahul_Hisbah Diakses pada 15 Januari 2014.
- Fadzila Azni Ahmad. 2010. *Kaedah Pengurusan Institusi-institusi Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA (UPENA).
- Fadzila Azni Ahmad. 2013. *Konsep Pengurusan Institusi Pembangunan berteraskan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad Muḥammad. 1968. *Ihyā' 'Ulūm ad-Dīn*. Qāhirah: Muassasah al-Halabi wa Syurakah.
- H. Ismet Junus. 2013. *Manusia menurut hidayah al-Qur'an*. Medan: Medan Area University Press dan Pusat Islam Universiti Medan Area.
- Ibn Kathīr, Ismā'īl ibn 'Umar. 1969. *Tafsīr al-Qurān al-'Azīm*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Ibn Khaldūn. 1930. *Muqaddimah*. Qāhirah: al-Matba'at al-Zāriyyat.
- Ibn Manẓūr. 1973. *Lisān al-'Arab*. 15. Beirut: Dār Ṣādir.
- Ibn Manẓūr. 1997. *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabiyy, juz 4, hal. 283.
- Ibn Taymiyyat, Aḥmad Ibn 'Abd al-Ḥalīm. 1973. *Al-Ḥisbah fī al-Islām aw Wazīfat al-Hukūmat al-Islāmiyyat*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibrāhīm Dasūqī. 1962. *al-Ḥisbah fī al-Islām*. Qāhirah: Maktabat Dār al-'Urūbat.
- JAIJ (Jabatan Agama Islam Johor). 2015. Visi, Misi dan Objektif, Diakses daripada <http://www.islam.gov.my/en/jabatan-agama-islam-johor>, Diakses pada 2 September 2015.
- JAIPK (Jabatan Agama Islam Perak), 2015, Visi, Misi dan Objektif, Diakses daripada <http://jaipk.perak.gov.my/my/maklumat-korporat/jaipk-profil-jabatan/visi-misi-dan-objektif.html>, Diakses pada 5 September 2015.
- JAIPK (Jabatan Agama Islam Perak, 2015, Visi, Misi dan Objektif, Diakses daripada <http://jaipk.perak.gov.my/my/maklumat-korporat/jaipk-profil-jabatan/visi-misi-dan-objektif.html>, Diakses pada 4 September 2015.
- J AIS (Jabatan Agama Islam Selangor, 2015, Misi, Visi dan Objektif. Diakses daripada

- <http://www.jais.gov.my/artikel/visi-misi>. Diakses pada 22 Ogos 2015. KPDNKK (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan), 2014, Mengenai KPDNKK. Diakses daripada <http://kpdnkk.bernama.com/kpdnhepBm.php>, Diakses pada 5 April 2014.
- MAIJ (Majlis Agama Islam Johor), 2015, Visi, Misi dan Objektif, Diakses daripada http://www.maij.gov.my/?page_id=27, Diakses pada 2 September 2015. MAIM (Majlis Agama Islam Melaka), 2015, Visi, Misi dan Objektif, Diakses daripada <http://www.maim.gov.my/index.php/my/informasi/informasi/objektif-visi-misi-maim>, Diakses pada 22 Ogos 2015.
- MAINS (Majlis Agama Islam Negeri Sembilan), 2015, Visi, Misi dan Objektif, Diakses daripada <http://www.mains.gov.my/web/guest/home>, Diakses pada 4 September 2015.
- MAIWP (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan), 2015, Visi, Misi dan Objektif, Diakses daripada <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/info-korporat/objektif-visi-dan-misiD>, Diakses pada 3 September 2015.
- Mardzelah Makhsin. 2008. *Hisbah: Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad Ezam Mohd Nor. 2010. Penghayatan Prinsip Hisbah dan Urus Tadbir yang Baik di Malaysia, Diakses daripada <http://dppwp.wordpress.com/usrah/penghayatan-prinsip-hisbah-dan-urus-tadbir-yang-baik-di-malaysia/>, Diakses pada 23 November 2010.
- Mohamad Syafiqe Abdul Rahim. 2010. Institusi Hisbah dan pengamalannya menurut konteks semasa di Malaysia, Diakses daripada http://mahmoodzuhdi.com/index.php?option=com_content&task=view&id=46&Itemid=131, Diakses pada 20 Ogos 2014.
- Mohd. Affandi Hassan. 1992. *The tawhidic approach in management and public administration: Concept, principles and an alternative model*. Kuala Lumpur: National Institute of Public Administration (INTAN).
- MPKB-BRI (Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam), 2014, Diakses daripada <http://www.mpkbbri.gov.my/latarbelakang>, Diakses pada 23 Februari 2014.
- Muhammad Abdullah al-Buraey, 1990, *Management and Administration in Islam*, Dhahran: King Fahd University of Petroleum and Minerals.
- Muhammad Akram Khan. 1983. *Al-Hisba and the Islamic Economy* dlm. *Public Duties in Islam: The Institution of Hisba* (Ibn Taymiya, terj. Muhtar Holland). United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Muhammad Syukri Salleh. 2000. Ke Arah Pengurusan Pembangunan Islam, dlm. Muhammad Syukri Salleh & Fadzila Azni Ahmad, eds., *Pengurusan pembangunan Islam: Prosiding seminar*, Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP) Universiti Sains Malaysia dan Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- Muhammad Syukri Salleh. 2008. ISDEV Paper Series – Islamic Development Management: Three Fundamental Questions. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia.
- PDRM (Polis Diraja Malaysia), 2015, Visi, Misi dan Objektif, Diakses daripada <http://www.rmp.gov.my/infor-korporate/polis-diraja-malaysia/visi>, Diakses pada 9 September 2015.
- Raḍwān, ‘Abd al-Ḥasīb. 1990. *Dirāsāt fī al-Ḥisbah min al-Nāḥiyatayn al-Tārīkhiyyat wa al-*

- Fihiyyat*. Qāhirah: Al-Matba'at al-Islāmiyyat al-Hadīthāt.
- Sinar Harian, 2014, Denda Berlengan Pendek. Diakses daripada <http://www.sinarharian.com.my/semasa/denda-berlengan-pendek-1.25789> Diakses pada 25 Ogos 2015.
- SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia), 2014, Fungsi SPRM, Diakses daripada <http://www.sprm.gov.my/>, Diakses pada 20 November 2014.
- YaPEIM (Panel Akademi Pengurusan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia), 2005, *Pengurusan dalam Islam: Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani*, Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM.